

Jimat cermat ta... anda bersyukur

Pendapat

nganlah kamu membazir; sesungguhnya orang yang membazir itu adalah saudara syaitan... tiada gunanya kita bermewah-mewah jika ia hanya akan menambah beban hutan keliling pinggang dan akhirnya akan menyebabkan berlakunya permasalahan yang lain seperti perpecahan rumah tangga dan penglibatan dalam jenayah-jenayah lain seperti merompak dan samun.

Selain daripada memberi insentif bonus dan lain-lain lagi melalui Bajet 2006, pihak kerajaan sewajarnya mewujudkan kempen kesedaran kepada masyarakat Malaysia mengenai pentingnya pengurusan kewangan individu. Ini adalah kerana tidak kira berapa bulan bonus yang diberikan kepada kakitangan awam, dengan kelemahan dari segi pengurusan kewangan peribadi dan keluarga, masalah yang sama akan timbul.

Masyarakat Malaysia patut

oleh kerajaan patut disambut dengan hati terbuka ia dilakukan secara sukarela dan ikhlas. Satu hingga satu setengah bulan gajaran bonus yang dijanjikan oleh pihak kerajaan adalah setimpal dengan balasan perit jerih penjawat awam bekerja sepanjang tahun ini memandangkan keadaan ekonomi yang kurang enak dipandang setiap hari.

Kita perlu mengikis tabiat berbelanja berlebihan yang sudah menjadi seperti tradisi kepada masyarakat kita lebih-lebih lagi menjelang perayaan Hari Raya. Syawal sepatutnya disambut dengan bersederhana dan keinsafan kerana kita telah melewati Ramadan yang penuh berkat.

Kebanyakan anggota masyarakat menjadikan Syawal sebagai medan pertempuran untuk bermewah-mewah, bersuka ria, dan bermegah-megah dengan kekayaan yang diraih sepanjang tahun. Dalam Islam, penekanan terhadap seruan supaya menggunakan segala sumber dengan sebaiknya dinyatakan di dalam surah al-Israk' ayat 26-27 dan ja-

dididik mengenai kepentingan menjaga dan mengawal kewangan melalui muhasabah mengenai bertapa susahnyanya untuk mendapatkan duit. Jika masyarakat sedar mengenai perkara itu, tabiat membazir dapat dikurangkan dan seterusnya dihapuskan. Tidak dapat dinafikan bahawa tabiat membazir ini lahir dari naluri manusia itu sendiri di mana manusia gagal untuk membezakan yang mana satu keperluan dan yang mana satu keheندان.

Sebagai contoh, tidak dapat dinafikan bahawa manusia memerlukan pengangkutan untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat lain. Bas, kereta api, teksi, Perodua Kancil, BMW, basikal dan motosikal adalah merupakan contoh alat pengangkutan yang ada tetapi dalam proses pemilihan, manusia telah memulakan elemen status, tanggapan orang lain dan ego untuk memilih alat pengangkutan yang terbaik untuk mereka.

Berbalik kepada Bajet 2006, usaha kerajaan dalam memban-

tu siswazah mengganggu perlulah disambut bukan sahaja dengan tangan yang terbuka, tetapi juga dengan semangat dan ilmu yang tinggi.

Kita tidak mahu skim Prosper ini turut menjadi seperti beberapa skim galakan siswazah untuk terlibat dalam keusahawanan yang telah dijalankan oleh kerajaan sebelum ini di mana semangat dan azam yang kuat jika tidak berbekalkan pengalaman dan ilmu praktikal perniagaan yang tinggi telah menyebabkan banyak program seperti ini gagal.

Kerajaan perlu memandang serius perkara ini jika tidak mahu peruntukan tersebut lenyap tanpa melihat sebarang peningkatan positif di dalam bidang terbabit. Tidak dinafikan bahawa golongan ini perlu dibantu dari segi kewangan untuk memulakan penerokaan ke dalam bidang keusahawanan tetapi sokongan dan dorongan kepakaran

juga tidak boleh diambil ringan.

Dengan kata lain jika modal berjuta ringgit pun, jika tidak dibekalkan bersama ilmu kepakaran dalam bidang keusahawanan, maka apa jenis program yang dijalankan akan menemui kegagalan.

Akhir kata, masyarakat perlu menyambut baik insentif yang telah diberikan oleh kerajaan melalui Bajet 2006. Penekanan perlulah diberikan di dalam bidang pengurusan kewangan dalam mengelakkan berlakunya pembaziran sumber.

Selain itu, skim galakan siswazah untuk terlibat di dalam bidang peruncitan perlulah dipantau dari masa ke semasa supaya matlamat asal program tersebut dapat tercapai dengan jayanya.

— MOHAMMAD NOORIZUDDIN NOOH, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), Nilai.

Kirim pendapat anda melalui e-mel: pendapat@utusan.com.my